



PENDIDIKAN ISLAM

TAHUN SATU





Kata-kata aluan

KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula di Tahun 1 pada 2017. Salah satu fokus utama dalam kurikulum ini adalah Modul Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Modul TMK adalah berfokuskan kepada Kemahiran Pemikiran Komputasional (KPK) sejajar dengan perubahan trend global. Modul TMK akan disepadukan dalam mata pelajaran di sekolah rendah secara berperingkat bermula dengan Tahun 1. Melalui KPK murid dilatih berfikir secara logik dan sistematik dalam menyelesaikan masalah dengan menggunakan prinsip asas sains komputer melalui kemahiran yang terdapat dalam perisian pemproses kata, persembahan, hamparan elektronik, penyuntingan audio, penyuntingan video, penyuntingan grafik, pengaturcaraan dan algoritma.

Pelaksanaan Modul TMK dalam KSSR (Semakan 2017) adalah bertujuan bagi memastikan murid berupaya mengaplikasi kemahiran, mengukuhkan pengetahuan dan menghayati nilai serta etika dalam penggunaan TMK agar dapat melahirkan murid yang boleh mencipta dan berinovasi.

Saya bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terlibat terutamanya kepada Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dalam penyediaan Modul TMK ini. Saya berharap usaha murni ini dapat memenuhi visi pendidikan dan aspirasi murid untuk keperluan negara pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DR KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF

PENDAHULUAN


Modul Aplikasi ialah modul yang mengandungi kemahiran TMK yang diajar melalui pengintegrasian dalam mata pelajaran sedia ada. Sekolah hendaklah melaksanakan Modul TMK yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang bersesuaian dengan mata pelajaran tersebut.

Modul Aplikasi yang disediakan perlu dilaksanakan oleh murid dengan bimbingan guru mata pelajaran masing-masing dalam peruntukan waktu mata pelajaran. PdP Modul TMK boleh dilaksanakan di makmal komputer atau dalam bilik darjah mengikut kesesuaian kemahiran TMK yang hendak diajar. Guru perlu merujuk Buku Panduan Pelaksanaan Modul TMK yang memperincikan kaedah pengintegrasian TMK dalam pengajaran dan pembelajaran. Buku tersebut boleh dimuat turun di laman sesawang <http://bpk.moe.gov.my/>.

Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 1 (2017) yang terlibat dalam pengintegrasian kemahiran TMK adalah seperti berikut:

PENDAHULUAN

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Komponen TMK	Kemahiran TMK	Perkakasan / Perisian yang digunakan
1.15 Menghafaz dan mengamalkan surah al-Fatihah dengan betul dan bertajwid.	1.15.3 Memperdengarkan hafazan surah al-Fatihah dengan betul dan bertajwid.	1.0 Mengemukakan idea dan maklumat secara kreatif dan inovatif dengan menggunakan TMK.	1.11 Menghasil dan menyunting imej, audio atau video.	i. <i>Sound recorder</i> ii. Perisian persembahan



MODUL

STANDARD PEMBELAJARAN 1.15.3

Standard Pembelajaran 1.15.3

Memperdengarkan hafazan surah al-Fatihah dengan betul dan bertajwid

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Senarai Semak Kemahiran Asas TMK	4
Rancangan Pengajaran	5
Lembaran Kerja 1	11
Rubrik Pentaksiran	12

Senarai Semak Kemahiran Asas TMK :

Sebelum memulakan PdP, guru hendaklah mengenal pasti samada murid telah menguasai kemahiran asas seperti berikut:

Bil.	Kemahiran Asas TMK
1	Merekod audio menggunakan perisian <i>Sound Recorder</i>
2	Menyisip audio dalam perisian Microsoft Power Point

1.15 SURAH AL-FATIHAH

Rancangan Pengajaran

Standard Kandungan

- 1.15 Menghafaz dan mengamalkan surah al-Fatihah dengan betul dan bertajwid.

Standard Pembelajaran

Murid boleh

- 1.15.3 Memperdengarkan hafazan surah al-Fatihah dengan betul dan bertajwid.

Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bahan untuk satu kelas

- i. Projektor LCD
- ii. Komputer/komputer riba

Bahan untuk setiap murid

- i. Fail Microsoft Powerpoint P11 surah al-Fatihah dalam bentuk *soft copy*
- ii. Set kad imbasan dari Lembaran 1.

Persediaan

- i. Guru memuat turun fail Microsoft PowerPoint P11.
- ii. Guru menyediakan bahan set induksi berikut:
 - a. Setiap kumpulan disediakan satu Lembaran 1.
 - b. Gunting potongan kalimah surah al-Fatihah.
 - c. Laminat hasil guntingan supaya boleh diguna pakai berulang kali.
 - d. Simpan setiap set dalam beg plastik untuk memudahkan guru waktu menyebarkan.
 - e. Bahan pada murid ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.

Pemetaan Modul Kemahiran Asas

- i. Modul Microsoft PowerPoint 1: Teks dalam PowerPoint.
- ii. Modul Perisian *Sound Recorder*.

Persediaan:

5 hingga 10 minit

Pengajaran:

1 jam

Penerapan Kemahiran TMK:

- 1.2 Menyisip kotak teks, imej, jadual, audio atau video. Menghasil dan menyunting imej, audio atau video.
- 1.11 Menghasil dan menyunting imej, audio atau video.

SET INDUKSI

1. Guru menayangkan video bacaan surah al-Fatihah pelbagai Qari untuk menarik minat murid.
Contoh:
 - i. <https://www.youtube.com/watch?v=RXYtgfWVswU>
 - ii. <https://www.youtube.com/watch?v=o-YIfnWIGTg>
 - iii. <https://www.youtube.com/watch?v=hv6Q7O1zeO0>
 - iv. <https://www.youtube.com/watch?v=kSee3OsQ338>
 - v. <https://www.youtube.com/watch?v=uoael2XFc0Y>

INDUKSI

AKTIVITI 1

1. Murid dibahagikan kepada kumpulan (4 murid setiap kumpulan).
2. Setiap kumpulan diberikan satu set kad imbasan kalimah surah al-Fatihah (Lampiran 1).
3. Dalam kumpulan masing-masing, murid mesti menyusun kad imbasan kalimah surah al-Fatihah untuk membentuk ayat dan surah yang lengkap.
4. Wakil murid setiap kumpulan diminta untuk membaca berdasarkan potongan kalimah yang telah disusun.
5. Guru membetulkan susunan ayat dan sebutan setiap bacaan jika perlu.

BBM

- i. Kad Imbasan kalimah surah al-Fatihah (Lampiran 1)

AKTIVITI

AKTIVITI 2

1. Setiap kumpulan melantik seorang murid turus untuk mendengar dan membimbing rakan sebaya untuk membaca surah al-Fatihah.
2. Murid turus kumpulan akan mendengar dan mencatat nama ahli kumpulan yang berjaya membaca dan menghafal dengan betul.
3. Guru memberikan pemulihan bacaan kepada murid-murid yang tidak boleh menguasai bacaan surah al-Fatihah.
4. Bagi ahli kumpulan yang sudah menghafal surah al-Fatihah, mereka akan melafaz dan merekod surah al-Fatihah bersama-sama menggunakan perisian *Sound Recorder*.
(rujuk Modul Kemahiran Asas TMK)
5. Setiap kumpulan membuka fail Microsoft Powerpoint PII al-Fatihah yang telah disediakan.
6. Fail Microsoft Powerpoint PII al-Fatihah sudah pun dilengkapi dengan ayat surah al-Fatihah pada setiap slaid.
7. Pada slaid pertama PowerPoint, taipkan semua nama ahli kumpulan.
8. Setiap slaid dalam fail telah pun dilengkapi dengan setiap ayat daripada Surah al-Fatihah.
9. Setiap murid dalam ahli kumpulan akan bergilir-gilir untuk menyisip bacaan ayat yang telah dirakam pada setiap slaid pada fail PowerPoint.

BBM

- i. Komputer riba
- ii. Perisian Microsoft PowerPoint
- iii. Fail Microsoft Powerpoint PII al-Fatihah

PENERAPAN KEMAHIRAN TMK

- i. 1.2

AKTIVITI

AKTIVITI TAMBAHAN

1. Setiap kumpulan akan bertukar fail perisian Microsoft PowerPoint masing-masing dengan kumpulan lain.
2. Ahli kumpulan lain akan mendengar hasil rekod audio rakan-rakan daripada kumpulan lain.
3. Murid akan memberikan markah 1 hingga 4 pada bahagian nota slaid perisian Microsoft PowerPoint.



Markah:
1. Badrul – 4 Markah
2. Anis – 3 Markah

Contoh cara memberi markah

4. Selepas semua rekod bacaan audio telah didengar, kembalikan fail pada kumpulan audio tersebut.
5. Setiap kumpulan melihat markah yang diberi oleh rakan dari kumpulan lain.
6. Murid bincang dalam kumpulan cara untuk membaiki bacaan masing-masing.

BBM

- i. Komputer riba
- ii. Perisian Microsoft PowerPoint
- iii. Fail Microsoft Powerpoint PII

PENERAPAN KEMAHIRAN TMK

- i. 1.2
- ii. 1.11

AKTIVITI


REFLEKSI

1. Guru mendapatkan semula perhatian murid.
2. Guru meminta beberapa murid untuk memainkan hasil rekod audio mereka yang mendapat markah tinggi oleh rakan mereka.
3. Guru meminta beberapa murid untuk berkongsi cara memperbaiki bacaan supaya menjadi lebih baik lagi.

REFLEKSI

LEMBARAN KERJA 1

Arahan kepada guru: Gunting setiap kotak di bawah untuk dijadikan kad imbasan.
Pastikan guru membuat salinan cukup untuk setiap kumpulan.



LEMBARAN KERJA

Rubrik Pentaksiran

Nama :

Tahun :

Tarikh :

Bil.	Komponen TMK	Kemahiran TMK	Tahap		
			Rendah 1	Mahir 2	Cemerlang 3
1.	1.0 Mengemukakan idea dan maklumat secara kreatif dan inovatif melalui TMK.	1.2 Menyisip kotak teks, imej, jadual, audio atau video.	Murid berjaya menyisip audio menggunakan perisian <i>Sound Recorder</i> setelah merujuk kepada Modul Kemahiran Asas dan memerlukan bimbingan guru. 	Murid berjaya menyisip audio menggunakan perisian <i>Sound Recorder</i> dengan sedikit bimbingan guru dan tanpa merujuk kepada Modul Kemahiran Asas TMK. 	Murid melepasi tahap penguasaan mahir dengan memaparkan kemahiran tanpa merujuk kepada Modul Kemahiran Asas dan tanpa bimbingan guru.

Bil.	Komponen TMK	Kemahiran TMK	Tahap		
			Rendah 1	Mahir 2	Cemerlang 3
2.	1.0 Mengemukakan idea dan maklumat secara kreatif dan inovatif melalui TMK.	1.11 Menghasil dan menyunting imej, audio atau video.	Murid berjaya merekod audio menggunakan perisian <i>Sound Recorder</i> setelah merujuk kepada Modul Kemahiran Asas dan memerlukan bimbingan guru.	Murid berjaya merekod audio menggunakan perisian <i>Sound Recorder</i> dengan sedikit bimbingan guru dan tanpa merujuk kepada Modul Kemahiran Asas TMK.	Murid melepasi tahap penguasaan mahir dengan memaparkan kemahiran tanpa merujuk kepada Modul Kemahiran Asas dan tanpa bimbingan guru.